

8	NO. PASPORT TERAKHIR DIDAFTAR DENGAN LHDNM	Isikan no. pasport terakhir yang telah didaftarkan dengan LHDNM iaitu sebelum pasport semasa.
BAHAGIAN A		MAKLUMAT INDIVIDU
A1	WARGANEGARA	Isi 'MY' bagi warganegara Malaysia. Sekiranya bukan warganegara Malaysia, sila rujuk kod negara yang disediakan di muka surat 10 nota penerangan ini atau Lampiran E dalam Buku Panduan Borang BE.
A2	JANTINA	Isikan '1' untuk lelaki atau '2' untuk perempuan.
A3	STATUS PADA 31-12-2008	Isikan '1' untuk bujang; '2' untuk kahwin; '3' untuk janda/duda; '4' untuk mati.
A4	TARIKH KAHWIN/CERAI/MATI	Isikan tarikh kahwin jika berkahwin dalam tahun semasa; atau tarikh cerai jika berpisah mengikut undang-undang dalam tahun semasa; atau tarikh kematian mengikut hari, bulan dan tahun.
A5	JENIS TAKSIRAN	Isikan: (i) '1' jika isteri memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama suami. Isteri tidak perlu mengisi ruang C17 dan C18, Bahagian D, Bahagian E dan Bahagian F Borang BE; atau (ii) '2' jika suami memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama isteri. Suami tidak perlu mengisi ruang C17 dan C18, Bahagian D, Bahagian E dan Bahagian F Borang BE; atau (iii) '3' jika memilih taksiran berasingan; atau (iv) '4' jika status individu adalah bujang/janda/duda/simati; atau suami / isteri tiada punca pendapatan atau pendapatan dikecualikan cukai Nota: Syarat untuk taksiran bersama: (i) suami dan isteri tinggal bersama dalam tahun asas dan tidak berhenti tinggal bersama dalam tahun asas tersebut; (ii) mempunyai jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami / isteri; (iii) adalah warganegara Malaysia jika tidak bermastautin; (iv) pengagregatan hanya boleh dibuat dengan seorang isteri sahaja.
A6	KETETAPAN UMUM DIPATUHI	Ketetapan Umum memberi panduan kepada orang awam yang menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya. Sila rujuk senarai Ketetapan Umum di Lampiran H Buku Panduan Borang BE. Untuk keterangan lanjut, sila layari laman web LHDNM. Isikan '1' jika setiap ketetapan dipatuhi. Jika satu atau lebih ketetapan tidak dipatuhi, isikan '2'.
A7	ALAMAT SURAT-MENYURAT	Alamat yang digunakan untuk berurusan dengan LHDNM.
A8	NO. TELEFON	Nombor telefon pejabat/firma ejen cukai/rumah/bimbit.
A9	NO. MAJIKAN	Isikan nombor rujukan fail cukai pendapatan majikan dalam ruang yang berkenaan.
A10	e-mel	Alamat e-mel (jika ada).
A11 & A12	NAMA BANK & NO. AKAUN BANK	Untuk tujuan pembayaran balik dikreditkan dari LHDNM (jika ada), nyatakan nama bank dan nombor akaun bank yang berkenaan.
BAHAGIAN B		MAKLUMAT SUAMI / ISTERI
B1 – B7		Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Sekiranya tuan mempunyai lebih daripada seorang isteri, sila berikan maklumat isteri-isteri tuan yang lain di lampiran tambahan mengikut format B1 hingga B7 dan kemukakan bersama Borang BE.
BAHAGIAN C		PENDAPATAN BERKANUN DAN JUMLAH PENDAPATAN
C1	PENGGAJIAN - Amaun N4 dari Helaijan Kerja HK-2	
<p>Gaji, bonus, yuran pengarah, komisen dan apa-apa perkuisit [seperti skim opsyen saham (Ketetapan Umum No. 4/2004), premium insurans/yuran sekolah dan tuisyen yang dibayar oleh majikan] hendaklah dilaporkan. Perbelanjaan keraian dan perjalanan adalah potongan yang dibenarkan dengan syarat perbelanjaan dilakukan dalam menghasilkan pendapatan penggajian dan dalam menjalankan tugas rasmi. Tuntutan perbelanjaan keraian dihadkan kepada jumlah elaun keraian yang dimasukkan sebagai pendapatan kasar daripada penggajian. Sekiranya perbelanjaan dibayar ganti oleh majikan, ia tidak merupakan perbelanjaan yang boleh dituntut sebagai potongan dan juga tidak dikenakan cukai.</p>		

Elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai mengikut pengumuman Bajet 2009 meliputi:

	JENIS ELAUN / PERKUISIT / PEMBERIAN / MANFAAT	AMAUN	TAHUN TAKSIRAN
(i)	Perkuisit sama ada dalam bentuk tunai atau barangan berkaitan dengan penggajian pekerja berhubung dengan:- (a) pencapaian perkhidmatan lalu; (b) anugerah khidmat cemerlang, anugerah inovasi atau anugerah produktiviti; atau (c) perkhidmatan lama dengan syarat pekerja tersebut telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat-syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama. (Perenggan 25C Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967)	Terhad RM2,000 setahun	Mulai 2008
(ii)	Pemberian komputer peribadi baru dan yuran langganan jalur lebar yang berdaftar atas nama majikan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2008 [P.U.(A) 191/2008].	-	Mulai 2008 sehingga 2010
(iii)	Kad petrol, elaun petrol atau elaun perjalanan antara rumah ke pejabat.	Terhad RM2,400 setahun	Mulai 2008 sehingga 2010
(iv)	Kad petrol, elaun petrol atau elaun perjalanan dan kad tol atas urusan rasmi.	Terhad RM6,000 setahun	Mulai 2008
(v)	Fi letak kereta atau elaun letak kereta.	-	Mulai 2008
(vi)	Elaun makan	-	Mulai 2008
(vii)	Elaun atau subsidi penjagaan anak bagi anak yang berumur sehingga 6 tahun.	Terhad RM2,400 setahun	Mulai 2008
(viii)	(a) Telefon, telefon bimbit, alat kelui dan <i>Personal Data Assistant</i> (PDA) (b) Bil telefon, telefon bimbit, alat kelui dan PDA didaftarkan atas nama pekerja atau majikan.	-	Mulai 2008
(ix)	Barangan majikan sendiri yang diberi secara percuma atau diberi pada harga diskaun	Terhad RM1,000 setahun	Mulai 2008
(x)	Perkhidmatan majikan sendiri yang diberi secara percuma atau diberi pada harga diskaun dengan syarat manfaat ini tidak boleh dipindahkan kepada orang lain.	-	Mulai 2008
(xi)	Manfaat perubatan yang dikecualikan cukai diperluaskan untuk meliputi perbelanjaan materniti dan perubatan tradisional seperti <i>ayurvedic</i> dan akupunktur.	-	Mulai 2008
(xii)	Subsidi faedah bagi pinjaman berjumlah sehingga RM300,000 untuk pinjaman perumahan, kenderaan bermotor dan pendidikan. Pengecualian diberi atas pinjaman sedia ada dan pinjaman baru. Faedah yang dikecualikan dikira menggunakan formula seperti berikut: Di mana; $A \times \frac{B}{C}$ A = perbezaan amaun faedah yang dibayar oleh majikan dan amaun faedah yang dibayar oleh pekerja dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran B = jumlah agregat amaun prinsipal pinjaman bagi pinjaman perumahan, kenderaan bermotor dan pendidikan yang diambil oleh pekerja atau RM300,000 dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang mana lebih rendah C = ialah jumlah agregat bagi pinjaman perumahan, kenderaan bermotor dan pendidikan yang diambil oleh pekerja dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran	-	Mulai 2008

PENGEUALIAN INI TIDAK TERPAKAI JIKA PEKERJA MEMPUNYAI KAWALAN KE ATAS SYARIKAT, PEMILIK PERNIAGAAN TUNGGAL ATAU AHLI KONGSI PERNIAGAAN PERKONGSIAN

Lain-Lain Manfaat Berupa Barangan Yang Dikecualikan Cukai:

Sila rujuk senarai terperinci Manfaat Berupa Barangan yang dikecualikan cukai di Lampiran B3 Buku Panduan BE.

Ganjaran – Ganjaran merupakan sejumlah wang yang diterima semasa persaraan/tamat kontrak dan dianggap sebagai hadiah untuk perkhidmatan yang lalu. Rujuk Helaian Kerja HK-2.2 dan Lampiran B1 untuk pengiraan. Ganjaran berikut dikecualikan dari cukai pendapatan:

1. **Ganjaran persaraan**
 - (a) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa persaraan daripada penggajian itu disebabkan oleh keuzuran; Atau
 - (b) Persaraan itu berlaku pada atau selepas seseorang itu mencapai umur 55 tahun atau mencapai umur wajib bersara dari penggajiannya dan telah berkhidmat berturut-turut selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat di dalam kumpulan yang sama; Atau
 - (c) Persaraan itu berlaku apabila mencapai umur wajib bersara di bawah satu kontrak penggajian atau perjanjian kolektif pada umur 50 tahun tetapi sebelum 55 tahun dan telah berkhidmat selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.
2. **Ganjaran yang dibayar kepada pekerja dari kumpulan wang awam** - Ganjaran yang dibayar kepada pekerja dari kumpulan wang awam apabila bersara daripada penggajian di bawah mana-mana undang-undang bertulis.
3. **Ganjaran yang dibayar kepada pegawai kontrak** - Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam kepada pegawai kontrak apabila perkhidmatan kontraknya tamat (walaupun kontraknya diperbaharui).
4. **Ganjaran kematian** - Wang yang diterima sebagai ganjaran kematian.

Elaun Cukai – Cukai yang ditanggung oleh majikan adalah Elaun Cukai yang dikenakan cukai mengikut peruntukan perenggan 13(1)(a) ACP 1967 (Ketetapan Umum No. 2/2006). Rujuk Helaian Kerja HK-2.3 dan Lampiran B2 untuk pengiraan.

Manfaat Berupa Barangan (MBB) – Nilai tahunan manfaat berupa barangan yang disediakan oleh majikan seperti kereta, minyak, pemandu, kelengkapan rumah, telefon bimbit, hiburan dan kelab rekreasi. Rujuk Helaian Kerja HK-2.4 dan Lampiran B3 untuk pengiraan.

Nilai Tempat Kediaman – Nilai tempat kediaman yang disediakan oleh majikan di Malaysia. Rujuk Helaian Kerja HK-2.5 dan Lampiran B4 untuk pengiraan.

Bayaran Balik Daripada Skim Pencen Yang Tidak Diluluskan – Amaun yang dicarum oleh majikan kepada tabung pencen atau kewangan yang tidak diluluskan yang diterima oleh pekerja sebelum atau selepas tamat penggajian. Rujuk Helaian Kerja HK-2.6 untuk pengiraan.

Pampasan – Pampasan adalah bayaran yang dibuat oleh majikan kepada pekerja disebabkan kehilangan pekerjaan atau sebab-sebab lain. Rujuk Helaian Kerja HK-2.7 dan Lampiran B5 untuk pengiraan. Pampasan berikut dikecualikan dari cukai pendapatan:

- (i) Pampasan yang diterima akibat kehilangan pekerjaan disebabkan oleh keuzuran.
- (ii) Pampasan yang diterima atas sebab-sebab lain. Pampasan yang dikecualikan adalah **RM6,000** bagi setiap tahun genap perkhidmatan dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.

Yuran Kepada Badan Profesional – Yuran kepada badan profesional berhubung keahlian untuk mengekalkan kedudukan profesion berkaitan dan menjalankan pekerjaan dibenarkan sebagai tolakan. Misalnya bayaran profesion perubatan atau guaman.

C2	DIVIDEN	Sekiranya tuan/puan mempunyai pendapatan berpunca dari dividen dan layak menuntut pembayaran balik, sila sertakan Helaian Kerja HK-3 bersama Borang BE. Amaun C(iii) dari Helaian Kerja HK-3								
C3	FAEDAH	Pendapatan faedah yang diterima oleh individu bermastautin daripada wang yang didepositkan dalam institusi berikut dikecualikan cukai mulai 30 Ogos 2008: <ol style="list-style-type: none"> (i) Bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan atau yang disifatkan dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989; (ii) Bank yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan Islam 1983; (iii) Institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002; (iv) Lembaga Tabung Haji yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995; (v) Malaysia Building Society Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965; dan (vi) Borneo Housing Finance Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. 								
	DISKAUN	Pendapatan diskaun berpunca daripada pelaburan seperti bil perbendaharaan.								
C4	SEWA	Penerimaan dari sewaan rumah, rumah kedai, tanah, loji, mesin, perabot dan lain-lain. Amaun D dari Helaian Kerja HK-4								
	ROYALTI	Penerimaan dari penggunaan hak cipta/paten yang melebihi had pengecualian seperti berikut dikenakan cukai: <table border="1" style="width: 100%; margin-top: 10px;"> <thead> <tr> <th style="text-align: left;">Jenis Royalti</th> <th style="text-align: right;">Pengecualian (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i) Penerimaan dari penerbitan hasil seni/rakaman pita/cakera</td> <td style="text-align: right;">10,000</td> </tr> <tr> <td>(ii) Penerimaan hasil penterjemahan buku/karya kesusasteraan</td> <td style="text-align: right;">12,000</td> </tr> <tr> <td>(iii) Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan/lukisan asli/penggubahan muzik</td> <td style="text-align: right;">20,000</td> </tr> </tbody> </table> <p>Amaun H dari Helaian Kerja HK-5</p>	Jenis Royalti	Pengecualian (RM)	(i) Penerimaan dari penerbitan hasil seni/rakaman pita/cakera	10,000	(ii) Penerimaan hasil penterjemahan buku/karya kesusasteraan	12,000	(iii) Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan/lukisan asli/penggubahan muzik	20,000
Jenis Royalti	Pengecualian (RM)									
(i) Penerimaan dari penerbitan hasil seni/rakaman pita/cakera	10,000									
(ii) Penerimaan hasil penterjemahan buku/karya kesusasteraan	12,000									
(iii) Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan/lukisan asli/penggubahan muzik	20,000									

C5	<p>PENCEN</p> <p>ANUITI</p> <p>BAYARAN BERKALA LAIN</p>	<p>Pencen yang diterima dari Malaysia dikecualikan cukai jika bersara pada umur 55 tahun atau pada umur persaraan wajib di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau persaraan atas sebab keuzuran dan pencen tersebut diterima daripada Kerajaan atau skim pencen yang diluluskan. Di mana seseorang mendapat lebih daripada satu pencen, hanya pencen yang tertinggi dikecualikan. Pencen yang lain hendaklah dilaporkan.</p> <p>Jumlah yang ditetapkan mengikut syarat-syarat wasiat atau pelaburan wang yang melayakkan waris atau pelabur menerima bayaran tahunan, sama ada untuk selamanya atau sesuatu tempoh.</p> <p>Bayaran yang dibuat berulang kali pada masa-masa tertentu.</p>
C6	<p>APA-APA PEROLEHAN ATAU KEUNTUNGAN LAIN</p>	<p>Pendapatan lain seperti bayaran sekali sekala untuk penyiaran, syarahan, tulisan atau sebagainya yang terbit daripada usaha/pekerjaan sampingan atau sambilan. Helaian Kerja HK-6 dan dokumen yang berkenaan perlu dikemukakan semasa pengembalian borang sekiranya tuan/puan layak menuntut pembayaran balik.</p>
C8 – C15		DERMA DAN HADIAH
<p>Hadiah Wang Kepada Kerajaan / Kerajaan Tempatan Hadiah wang tunai kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan. Subseksyen 44(6).</p>		
<p>Hadiah Wang Kepada Institusi Atau Organisasi Diluluskan Hadiah wang kepada institusi / organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Proviso subseksyen 44(6)</p> <p>Hadiah Wang Atau Kos Sumbangan Manfaat Kepada Aktiviti Sukan Atau Badan Sukan Yang Diluluskan Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri atau badan sukan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan yang dilantik di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Subseksyen 44(11B)</p> <p>Hadiah Wang Atau Kos Sumbangan Manfaat Kepada Projek Berkepentingan Negara Yang Diluluskan Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Subseksyen 44(11c)</p>		
<p>Hadiah Artifak, Manuskrip Atau Lukisan Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan kepada Kerajaan berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Muzium Malaysia atau Ketua Pengarah Arkib Negara. Subseksyen 44(6A)</p> <p>Hadiah Wang Untuk Kemudahan Perpustakaan Atau Kepada Perpustakaan Sumbangan wang yang tidak melebihi RM20,000 bagi menyediakan kemudahan perpustakaan awam, perpustakaan sekolah/institusi pendidikan tinggi. Subseksyen 44(8)</p> <p>Hadiah Wang Atau Sumbangan Manfaat Bagi Menyediakan Kemudahan Di Tempat Awam Untuk Orang Yang Kurang Upaya Hadiah wang atau sumbangan manfaat berupa barangan yang diberikan oleh individu bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang yang kurang upaya berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan. Subseksyen 44(9)</p> <p>Hadiah Wang Atau Kos Peralatan Perubatan Kepada Mana-Mana Badan Rawatan Kesihatan Hadiah wang atau kos peralatan perubatan tidak melebihi RM20,000 yang diberikan kepada mana-mana badan rawatan kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan. Subseksyen 44(10)</p> <p>Hadiah Lukisan Kepada Balai Seni Lukis Negara Atau Balai Seni Lukis Negeri Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau mana-mana balai seni lukis negeri berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri. Subseksyen 44(11)</p>		<p>Terhad kepada 7% daripada pendapatan agregat di ruang C7</p>
C17	<p>JUMLAH PENDAPATAN YANG DIPINDAHKAN DARI SUAMI / ISTERI* BAGI TAKSIRAN BERSAMA * JENIS PENDAPATAN SUAMI / ISTERI YANG DIPINDAHKAN</p>	<p>RUANG C17 DAN C18 HANYA PERLU DIISI OLEH INDIVIDU DI MANA TAKSIRAN BERSAMA DIKELUARKAN ATAS NAMANYA.</p> <p>Pindahkan jumlah pendapatan suami / isteri yang ingin disatukan bersama jumlah pendapatan individu ke ruang ini.</p> <p>Nota: Isi '1' jika pendapatan suami / isteri yang dipindahkan terdapat punca pendapatan perniagaan atau '2' jika tiada. Ruang C17 dan C18 TIDAK PERLU diisi jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) status individu adalah bujang/janda/duda (ii) suami / isteri tiada punca pendapatan atau pendapatan dikecualikan cukai (iii) memilih taksiran berasingan (iv) memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama suami / isteri

BAHAGIAN D		PELEPASAN
D1	INDIVIDU DAN SAUDARA TANGGUNGAN	Pelepasan diri berjumlah RM8,000 untuk diri sendiri dan saudara tanggungan diberi secara automatik. Perenggan 46(1)(a)
D2	PERBELANJAAN PERUBATAN IBU BAPA	Perubatan ibu bapa terhadap kepada RM5,000. Perenggan 46(1)(c). Perbelanjaan perubatan yang layak termasuk: (i) rawatan perubatan dan penjagaan yang diperuntukkan oleh rumah penjagaan; dan (ii) rawatan pergigian dihadkan kepada mencabut gigi, menampal gigi, membersihkan karang gigi tetapi tidak termasuk rawatan kosmetik.
D3	PERALATAN SOKONGAN ASAS	Pembelian alat sokongan asas untuk kegunaan sendiri, suami / isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya dihadkan kepada RM5,000. Alat sokongan asas termasuk mesin haemodialysis, kerusi roda, kaki palsu dan alat pendengaran tetapi tidak termasuk cermin dan kanta mata. Perenggan 46(1)(d)
D4	INDIVIDU KURANG UPAYA	Pelepasan tambahan RM6,000 diberi kepada individu yang kurang upaya. Perenggan 46(1)(e)
D5	YURAN PENDIDIKAN (SENDIRI)	Bayaran yuran tahunan terhadap kepada RM5,000 dibenarkan sebagai potongan untuk kursus pembelajaran di institusi atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau diluluskan oleh Menteri Kewangan bagi maksud meningkatkan kemahiran atau kelayakan: (i) sehingga ke peringkat tertiar (selain Sarjana dan Doktor Falsafah) – dalam bidang undang-undang, perakaunan, kewangan Islam, teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi; atau (ii) peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah – sebarang bidang atau kursus pengajian Perenggan 46(1)(f)
D6	PERBELANJAAN PERUBATAN BAGI PENYAKIT YANG SUKAR DIUBATI	Perbelanjaan perubatan bagi penyakit yang sukar diubati bermaksud rawatan ke atas penyakit seperti sindrom kurang daya tahan (AIDS), sindrom Parkinson, barah, penyakit buah pinggang, leukemia dan lain-lain penyakit yang serupa yang lain. 'Lain-lain penyakit yang serupa' termasuk serangan jantung, pulmonary hypertension, penyakit hati kronik, fulminant viral hepatitis, trauma kepala dengan defisit neurologikal, ketumbuhan otak dan kecacatan kepada pembuluh darah, melupuh dan melecur yang keterlaluan, pemindahan organ, pembedahan kaki dan/atau tangan. Perbelanjaan ini dihadkan kepada RM5,000 untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak. Perenggan 46(1)(g)
D7	PEMERIKSAAN PERUBATAN PENUH	Pemeriksaan perubatan penuh bermaksud pemeriksaan secara menyeluruh dibenarkan sebagai potongan terhadap kepada RM500 untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak tetapi jumlah pelepasan untuk D6 dan D7 adalah terhadap kepada RM5,000. Perenggan 46(1)(h)
D8	PEMBELIAN BUKU/MAJALAH/JURNAL/PENERBITAN	Perbelanjaan pembelian mana-mana buku, majalah, jurnal atau penerbitan (dalam bentuk <i>hardcopy</i> atau elektronik tetapi tidak termasuk surat khabar atau bahan bacaan yang terlarang) untuk individu, suami / isteri atau anak dibenarkan sebagai potongan terhadap kepada RM1,000. Perenggan 46(1)(i)
D8A	PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI UNTUK INDIVIDU	Potongan cukai sebanyak RM3,000 diberi kepada individu atas perbelanjaan yang dilakukan ke atas pembelian komputer peribadi. Tiada potongan dibenarkan jika komputer peribadi dibeli untuk digunakan bagi maksud perniagaan. Potongan ini diberikan sekali dalam setiap 3 tahun. Perenggan 46(1)(j)
D8B	TABUNGAN BERSIH DALAM SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)	Simpanan ke dalam tabung SSPN untuk membiayai pelajaran anak-anak diberi potongan kepada individu terhadap kepada RM3,000 setahun. Potongan yang dituntut adalah terhadap kepada amaun tabungan bersih yang dilakukan di dalam sesuatu tahun sahaja. Contoh: Dalam tahun 2008, Baki Bawa Hadapan: RM4,500. Simpanan: RM2,000. Pengeluaran: RM1,500. Potongan yang layak dituntut adalah RM500 (RM2,000 – RM1,500). Baki Bawa Hadapan sebanyak RM4,500 tidak diambil kira. Perenggan 46(1)(k)
D8C	PEMBELIAN PERALATAN SUKAN UNTUK AKTIVITI SUKAN	Potongan cukai sebanyak RM300 diberi atas pembelian peralatan sukan yang dilakukan oleh individu untuk aktiviti sukan mengikut jenis sukan yang disenaraikan dalam Akta Pembangunan Sukan 1997. Peralatan sukan termasuk alat-alat yang mempunyai jangka hayat yang singkat seperti bola golf dan bulu tangkis tetapi tidak termasuk pakaian sukan, contoh: pakaian renang dan kasut sukan. Perenggan 46(1)(l)
D9	SUAMI / ISTERI / BAYARAN ALIMONI KEPADA BEKAS ISTERI	Pelepasan suami diberi sebanyak RM3,000 bagi suami yang tiada punca pendapatan/tiada jumlah pendapatan atau suami memilih taksiran bersama. Seksyen 45A Pelepasan diberi sebanyak RM3,000 bagi isteri yang tinggal bersama dalam tahun asas, isteri tiada punca pendapatan/jumlah pendapatan atau isteri memilih taksiran bersama. Perenggan 47(1)(a)

		<p>Bayaran nafkah kepada bekas isteri layak untuk pelepasan tetapi jumlah pelepasan untuk isteri dan bayaran alimoni kepada bekas isteri adalah terhad kepada RM3,000.</p> <p>Bayaran nafkah secara sukarela kepada bekas isteri di bawah perjanjian bersama tanpa sebarang perjanjian rasmi tidak layak dituntut sebagai potongan. Subseksyen 47(2) dan 47(3)</p>																								
D10	SUAMI / ISTERI YANG KURANG UPAYA	<p>Pelepasan tambahan sebanyak RM3,500 diberi kepada seorang suami / isteri yang kurang upaya. Perenggan 47(1)(b) dan seksyen 45A</p>																								
D11	<p>Bilangan anak layak mendapat pelepasan</p> <p>Bilangan anak dituntut oleh diri sendiri</p> <p>Bilangan anak dituntut oleh suami / isteri</p>	<p>Isikan jumlah bilangan anak yang layak dituntut pelepasan oleh individu dan suami / isteri (termasuk kelayakan 50%)*.</p> <p>Isikan jumlah bilangan anak yang dituntut pelepasan oleh individu dalam ruangan ini.</p> <p>Isikan jumlah bilangan anak yang dituntut pelepasan oleh suami / isteri bagi taksiran berasingan.</p> <p>Rujuk Helaian Kerja HK-13 untuk pengiraan. <u>Kelayakan 100%</u> - Ruang ini untuk diisi oleh individu yang layak menuntut pelepasan anak sepenuhnya.</p> <p>* <u>Kelayakan 50%</u> - Ruang ini untuk diisi di mana dua atau lebih individu (bukan suami isteri yang tinggal bersama) layak menuntut pelepasan ke atas bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama dan setiap individu tersebut layak menuntut separuh dari pelepasan yang dibenarkan. Subseksyen 48(4)</p> <p>Bagi Taksiran Berasingan, individu dan suami / isteri perlu memilih pelepasan ke atas setiap anak yang ingin dituntut masing-masing. Contoh: Ali mempunyai 5 orang anak dan memilih taksiran berasingan. Bilangan anak yang boleh dituntut oleh Ali dan isteri sebagai pelepasan ialah:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th></th> <th>Ali</th> <th>Isteri</th> <th></th> <th>Ali</th> <th>Isteri</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i)</td> <td>5</td> <td>0</td> <td>(iv)</td> <td>2</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>(ii)</td> <td>4</td> <td>1</td> <td>(v)</td> <td>1</td> <td>4</td> </tr> <tr> <td>(iii)</td> <td>3</td> <td>2</td> <td>(vi)</td> <td>0</td> <td>5</td> </tr> </tbody> </table>		Ali	Isteri		Ali	Isteri	(i)	5	0	(iv)	2	3	(ii)	4	1	(v)	1	4	(iii)	3	2	(vi)	0	5
	Ali	Isteri		Ali	Isteri																					
(i)	5	0	(iv)	2	3																					
(ii)	4	1	(v)	1	4																					
(iii)	3	2	(vi)	0	5																					
D11a	ANAK - DI BAWAH UMUR 18 TAHUN	<p>Pelepasan anak yang belum berkahwin dan berumur di bawah 18 tahun dalam tahun semasa adalah sebanyak RM1,000. Perenggan 48(1)(a) & 48(2)(a)</p>																								
D11b	ANAK - 18 TAHUN DAN KE ATAS YANG MASIH BELAJAR	<p><input type="checkbox"/> Pelepasan anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun dan ke atas dan menerima pendidikan sepenuh masa adalah sebanyak RM1,000. Perenggan 48(1)(b) & 48(2)(a) ; atau</p> <p><input type="checkbox"/> Pelepasan sebanyak RM4,000 bagi anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun dan ke atas tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <p>(i) mengikuti kursus di peringkat diploma dan ke atas di institusi pengajian tinggi dalam Malaysia (tidak termasuk kursus matrikulasi/pra-ijazah).</p> <p>(ii) mengikuti kursus di peringkat ijazah dan ke atas di institusi pengajian tinggi luar Malaysia.</p> <p>(iii) kursus dan institusi pengajian tinggi diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan.</p> <p>Subperenggan 48(3)(a)(i)</p>																								
D11c	ANAK - KURANG UPAYA	<p>Pelepasan untuk anak yang kurang upaya dibenarkan sebanyak RM5,000. Perenggan 48(1)(d) & 48(2)(b).</p> <p>Pelepasan tambahan sebanyak RM4,000 bagi anak yang kurang upaya dan belum berkahwin serta berumur 18 tahun dan ke atas tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <p>(i) mengikuti kursus di peringkat diploma ke atas di institusi pengajian tinggi dalam Malaysia (tidak termasuk kursus matrikulasi/pra-ijazah).</p> <p>(ii) mengikuti kursus di peringkat ijazah dan ke atas di institusi pengajian tinggi luar Malaysia.</p> <p>(iii) kursus dan institusi pengajian tinggi diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan.</p> <p>Individu layak mendapat pelepasan anak RM9,000 sekiranya syarat di atas dipatuhi. Subperenggan 48(3)(a)(ii)</p>																								

D12	INSURANS NYAWA DAN KWSP (Rujuk Helaian Kerja HK-14 untuk pengiraan)																																										
	<input type="checkbox"/> Premium insurans yang dibayar atas polisi yang menjamin nyawa individu, suami atau isteri dibenarkan pelepasan cukai. Premium insurans atas nyawa anak tidak dibenarkan pelepasan. <input type="checkbox"/> Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau kumpulan wang lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. <input type="checkbox"/> Jumlah pelepasan untuk premium insurans nyawa dan caruman kepada KWSP atau kumpulan wang lain yang diluluskan adalah terhad kepada RM6,000 untuk individu dan RM6,000 untuk isteri yang mempunyai punca pendapatan. Sekiranya suami atau isteri memilih taksiran bersama premium insurans dan KWSP adalah terhad kepada RM6,000 . Perenggan 49(1)(a), 49(1)(b), 49(1)(c), Subseksyen 49(1A) <i>Contoh:</i> Premium insurans dibayar oleh suami RM300 dan isteri RM6,500 dan pembayar cukai memilih taksiran bersama. Jumlah dibenarkan adalah terhad kepada RM6,000 dan bukannya RM6,800 . Dalam keadaan suami tidak mempunyai jumlah pendapatan, isteri akan ditaksir berasingan sebagai individu dan apa-apa perbelanjaan premium insurans oleh suami dianggap dibayar oleh isteri dan tuntutan potongan dibenarkan kepada jumlah terhad sahaja. Walau bagaimanapun bagi caruman KWSP yang dibuat oleh suami dan suami tiada jumlah pendapatan, potongan bagi caruman KWSP tersebut tidak boleh dibenarkan ke atas pendapatan isteri. Begitu juga sekiranya isteri tidak mempunyai jumlah pendapatan. Subseksyen 50(2) dan 50(3)																																										
D13	INSURANS PENDIDIKAN DAN PERUBATAN	Pelepasan tidak melebihi RM3,000 bagi premium insurans yang dibayar atas polisi pendidikan atau faedah perubatan untuk individu, suami, isteri atau anak. Subseksyen 49(1b). Rujuk Helaian Kerja HK-14 untuk pengiraan.																																									
BAHAGIAN E		CUKAI KENA DIBAYAR																																									
E2a	Cukai ke atas yang pertama	Sesuaikan amaun di E1 Borang BE (pendapatan bercukai) dengan banjaran pendapatan bercukai yang disediakan di dalam jadual cukai (muka surat 10 nota penerangan ini). <i>Contoh:</i> Pendapatan bercukai di E1 : RM35,500 Guna pengiraan di kategori F jadual cukai seperti berikut: Cukai ke atas RM35,000 yang pertama RM1,525.00 Cukai ke atas baki RM500 @ 13% RM 65.00 Jumlah cukai pendapatan RM1,590.00 Masukkan di ruang E2a, E2b dan E3 dalam Borang BE seperti berikut:																																									
E2b	Cukai ke atas baki																																										
E3	Jumlah Cukai Pendapatan																																										
<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 30%;">E2a Cukai ke atas yang pertama</td> <td style="width: 20%; text-align: center;"> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">3</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> </table> </td> <td style="width: 10%; text-align: center;">Atas Kadar (%)</td> <td style="width: 20%; text-align: center;"> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">1</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">2</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> </table> </td> <td style="width: 10%;"></td> </tr> <tr> <td>E2b Cukai ke atas baki</td> <td style="text-align: center;"> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> </table> </td> <td style="text-align: center;"> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">1</td><td style="text-align: center;">3</td></tr> </table> </td> <td style="text-align: center;"> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">6</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> </table> </td> <td></td> </tr> <tr> <td>E3 JUMLAH CUKAI PENDAPATAN (E2a + E2b)</td> <td></td> <td style="text-align: center;">E3</td> <td style="text-align: center;"> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">1</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">9</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> </table> </td> <td></td> </tr> </table>			E2a Cukai ke atas yang pertama	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">3</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> </table>	3	5	0	0	0	Atas Kadar (%)	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">1</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">2</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> </table>	1	5	2	5	0	0		E2b Cukai ke atas baki	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> </table>	5	0	0	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">1</td><td style="text-align: center;">3</td></tr> </table>	1	3	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">6</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> </table>	6	5	0	0		E3 JUMLAH CUKAI PENDAPATAN (E2a + E2b)		E3	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">1</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">9</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> </table>	1	5	9	0	0	0	
E2a Cukai ke atas yang pertama	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">3</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> </table>	3	5	0	0	0	Atas Kadar (%)	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">1</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">2</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> </table>	1	5	2	5	0	0																													
3	5	0	0	0																																							
1	5	2	5	0	0																																						
E2b Cukai ke atas baki	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> </table>	5	0	0	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">1</td><td style="text-align: center;">3</td></tr> </table>	1	3	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">6</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> </table>	6	5	0	0																															
5	0	0																																									
1	3																																										
6	5	0	0																																								
E3 JUMLAH CUKAI PENDAPATAN (E2a + E2b)		E3	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="text-align: center;">1</td><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">9</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> </table>	1	5	9	0	0	0																																		
1	5	9	0	0	0																																						
E4	REBAT CUKAI INDIVIDU	Rebat cukai individu adalah sebanyak RM350 bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000. Perenggan 6A(2)(a)																																									
E5	REBAT CUKAI SUAMI / ISTERI	Rebat cukai suami / isteri adalah sebanyak RM350 bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000 dan telah dibenarkan pelepasan suami / isteri sebanyak RM3,000. Perenggan 6A(2)(b) / Perenggan 6A(2)(c)																																									
E6	ZAKAT ATAU FITRAH	Bayaran zakat atau fitrah yang dibuat dalam tahun asas. Subseksyen 6A(3)																																									
E7	FI / LEVI	Rebat diberi bagi fi yang telah dibayar oleh pemegang pas penggajian, pas lawatan (kerja sementara) atau pas kerja menurut mana-mana perintah yang dibuat di bawah Akta Fi 1951. Seksyen 6c																																									
E10	TOLAKAN CUKAI SEKSYEN 110 ACP 1967 / SEKSYEN 51 AKTA KEWANGAN 2007 (DIVIDEN)	Sertakan Helaian Kerja HK-3 sekiranya tuan/puan layak menuntut pembayaran balik seperti di ruang E15 Borang BE. Amaun D dari Helaian Kerja HK-3																																									
E11	TOLAKAN CUKAI SEKSYEN 110 (LAIN-LAIN)	Sila buat pengiraan di Helaian Kerja HK-6 untuk tolakan cukai seksyen 110 ke atas lain-lain pendapatan seperti faedah, royalti, pendapatan seksyen 4A dan pendapatan daripada amanah. Sertakan dokumen berkenaan bersama Helaian Kerja HK-6 sekiranya tuan/puan layak menuntut pembayaran balik. Amaun B dari Helaian Kerja HK-6																																									

E12	PELEPASAN CUKAI SEKSYEN 132	Tolakan cukai berhubung dengan pendapatan dari Malaysia yang dikenakan cukai di Malaysia dan juga di luar Malaysia. Rujuk Lampiran F Buku Panduan BE untuk menentukan negara-negara yang memeterai perjanjian pengelakan pencukaian dua kali dengan Malaysia. Rujuk Jadual 7 ACP 1967 dan Helaian Kerja HK-8 untuk membuat pengiraan kredit.
E13	PELEPASAN CUKAI SEKSYEN 133	Tolakan cukai berhubung dengan pendapatan dari Malaysia yang dikenakan cukai di Malaysia dan juga di luar Malaysia. Negara-negara ini tidak memeterai perjanjian pengelakan pencukaian dua kali dengan Malaysia. Rujuk Jadual 7 ACP 1967 dan Helaian Kerja HK-9 untuk membuat pengiraan kredit.
BAHAGIAN F		KEDUDUKAN CUKAI TAHUN TAKSIRAN 2008
F1	CUKAI KENA DIBAYAR	Amaun dari E14. Sila isi '0' dalam ruang ini jika layak mendapat bayaran balik seperti di ruang E15.
F2	ANSURAN/PCB YANG TELAH DIBAYAR UNTUK PENDAPATAN TAHUN 2008 – SENDIRI DAN SUAMI / ISTERI BAGI TAKSIRAN BERSAMA	Guna Helaian Kerja HK-10 untuk membuat pengiraan. Bayaran ini tidak termasuk amaun tunggakan di mana amaun tersebut akan diambil kira untuk cukai tahun taksiran kebelakangan. Pindahkan amaun E dari Helaian Kerja HK-10 ke ruang ini. Bagi Taksiran Bersama - jumlahkan bayaran ansuran/Potongan Cukai Berjadual yang telah dijelaskan oleh suami dan isteri dan masukkan ke dalam ruang ini.
F3	BAKI CUKAI KENA DIBAYAR	Jelaskan baki ini dalam tempoh yang ditetapkan. Gunakan Slip Pengiriman Bayaran (CP501) yang dilampirkan bersama borang apabila membuat bayaran di kaunter bayaran LHDNM atau menggunakan slip bayaran yang disediakan oleh pihak bank sekiranya membuat bayaran di kaunter CIMB Bank Berhad (CIMB), Public Bank Berhad (PBB) dan Malayan Banking Berhad (Maybank). Jika jumlah F2 melebihi F1, isikan '0' di ruang ini.
F4	CUKAI TERLEBIH BAYAR	Amaun F2 tolak F1
BAHAGIAN G		PENDAPATAN TAHUN KEBELAKANGAN YANG BELUM DILAPORKAN
G1 – G5		Pendapatan yang diterima berkenaan sesuatu tahun terdahulu yang belum dilaporkan. Contoh: bayaran tunggakan gaji/bonus. Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.
BAHAGIAN H		MAKLUMAT PENTADBIR HARTA PUSAKA
H1 – H6		Isikan maklumat yang berkenaan sahaja.
AKUAN		
Borang nyata yang tidak diperakui dan ditandatangani akan dianggap tidak lengkap dan akan dikembalikan semula kepada tuan/puan. Penalti akan dikenakan jika berlaku kelewatan dalam mengembalikan semula borang nyata ini kepada LHDNM.		
MAKLUMAT FIRMA DAN TANDATANGAN ORANG YANG MENYEDIAKAN BORANG NYATA INI		
Bahagian ini perlu diisi, diperakui dan ditandatangani oleh ejen/wakil cukai yang menyediakan borang nyata ini.		

JADUAL CUKAI				
KATEGORI	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI (a)	PENGIRAAN RM (b)	KADAR % (c)	CUKAI RM (d)
A	0 - 2,500	2,500 pertama	0	0
B	2,501 - 5,000	2,500 berikutnya	1	25
C	5,001 - 10,000	5,000 pertama 5,000 berikutnya	3	25 150
D	10,001 - 20,000	10,000 pertama 10,000 berikutnya	3	175 300
E	20,001 - 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	7	475 1,050
F	35,001 - 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	13	1,525 1,950
G	50,001 - 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	19	3,475 3,800
H	70,001 - 100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	24	7,275 7,200
I	100,001 - 150,000	100,000 pertama 50,000 berikutnya	27	14,475 13,500
J	150,001 - 250,000	150,000 pertama 100,000 berikutnya	27	27,975 27,000
K	Lebih 250,000	250,000 pertama setiap ringgit berikutnya	28	54,975

KOD NEGARA					
Sebahagian negara-negara yang dikenal pasti. Tuan / Puan boleh merujuk kepada Lampiran E Buku Panduan Borang BE untuk mendapatkan senarai lengkap.					
Nama Negara	Kod Negara	Nama Negara	Kod Negara	Nama Negara	Kod Negara
Australia	AU	Iran (Islamic R.O.)	IR	Philippines	PH
Bangladesh	BD	Iraq	IQ	Saudi Arabia	SA
Brunei	BN	Japan	JP	Singapore	SG
Cambodia	KH	Korea, D.P.R.	KP	South Africa	ZA
Canada	CA	Korea, R.O.	KR	Sri Lanka	LK
China	CN	Laos, D.P.R.	LA	Taiwan	TW
Denmark	DK	Malaysia	MY	Thailand	TH
Hong Kong	HK	Myanmar	MM	United Kingdom	GB
India	IN	New Zealand	NZ	United States	US
Indonesia	ID	Pakistan	PK	Vietnam	VN

Nota: R.O. = Republic of;

D.P.R. = Democratic People's Republic of



HK-3: TOLAKAN CUKAI DI BAWAH SEKSYEN 110 AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 / SEKSYEN 51 AKTA KEWANGAN 2007 (DIVIDEN)

Nama																															
No. Rujukan Cukai																No. K/P															
Tahun Taksiran																			No. Pendaftaran Perniagaan												

Kemukakan Helaian Kerja ini jika tuan layak menuntut bayaran balik (Gunakan HK-3 berasingan bagi dividen yang perlu dikasarkan semula)

A. Senarai pendapatan dividen:

Bil.	Tarikh Bayaran	Bagi Tahun Berakhir	No. Waran / No. Siri	Nama Syarikat	Dividen Kasar		Kadar Cukai	Cukai Dipotong		Dividen Bersih	
					RM	sen		RM	sen	RM	sen
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
8											
9											
10											
11											
12											
13											
14											
15											
JUMLAH DIVIDEN BERSIH											
Jumlah Dikasar Semula											

X [amaun dari B(i)]

Y [amaun dari B(ii)]

Nota: Teruskan pengiraan di muka surat sebelah jika kadar cukai dipotong mengikut baucar / sijil dividen yang diterima berlainan dengan kadar cukai tahun taksiran semasa

B. Pengiraan dividen dikasarkan dan cukai dipotong

Jika kadar cukai dipotong mengikut baucar / sijil dividen yang diterima berlainan dengan kadar cukai tahun taksiran semasa, sila gunakan formula berikut untuk mendapatkan jumlah dividen yang dikasarkan semula dan cukai dianggap telah dipotong:-

(i) Dividen dikasar semula (X)

$$= \text{Dividen bersih} \times \frac{1}{(1 - Z^*)}$$

$$= \frac{\text{Dividen bersih}}{(1 - Z^*)}$$

$$= \text{(X)}$$

(ii) Cukai dianggap telah dipotong (Y)

$$= \text{X} \times Z^*$$

$$= \text{(Y)}$$

* Di mana Z ialah kadar cukai tahun taksiran semasa syarikat

C. Pengiraan Pendapatan Berkanun Dividen

(i) Dividen Kasar (X)

Tolak:

(ii) Faedah atas pinjaman yang dilakukan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan dividen tersebut

(iii) Pendapatan Berkanun

D. Tolakan cukai seksyen 110 Akta Cukai Pendapatan 1967 / seksyen 51 Akta Kewangan 2007 (Dividen)

(amaun Y di atas)

Contoh jumlah dividen yang perlu dikasarkan semula:

Butir-butir dari baucar dividen:

VOUCHER NO.	DIVIDEND NO.	TYPE OF DIVIDEND	FOR YEAR ENDED	FOR SHARES REGISTERED ON	DATE OF PAYMENT
12345	67	FOURTH INTERIM	30 JUNE 2008	23 AUGUST 2008	1 SEPTEMBER 2008

SHAREHOLDING	GROSS DIVIDEND RATE	INCOME TAX RATE	GROSS DIVIDEND (RM)	INCOME TAX (RM)	NET DIVIDEND (RM)
5000	16%	26%	800.00	208.00	592.00

Tahun berakhir - 30/06/2008

Tarikh dividen dibayar - 01/09/2008

Tempoh asas syarikat yang membayar dividen - 01/07/2008 - 30/06/2009

Tarikh dividen dibayar iaitu 01/09/2008 jatuh dalam tempoh asas 01/07/2008 - 30/06/2009 iaitu tahun taksiran 2009 di mana kadar cukai syarikat ialah 25%. Oleh kerana kadar cukai yang ditolak dari dividen ialah 26%, dividen tersebut perlu dikasarkan semula pada kadar **25%**.

Pengiraan dividen dikasarkan dan cukai dipotong:

(i) Dividen dikasar semula (X)

$$= 592 \times \frac{1}{(1 - 0.25)}$$

$$= \frac{592}{0.75}$$

$$= 789.33^*$$

* Amaun yang perlu dipindahkan ke ruangan Pendapatan Berkanun Dividen dalam borang nyata adalah **RM789** (mengambil kira nilai ringgit sahaja)

(ii) Cukai dianggap telah dipotong (Y)

$$= 789.33 \times 25\%$$

$$= 197.33$$